

Negeri Pahang dan Tok Janggut di negeri Kelantan.

Bagaimapun kita bersyukur, kerana akhir-akhir ini sudah muncul pelbagai jenis seni silat yang turut diminati oleh generasi sekarang.

Namun begitu, kemunculan semula Seni Silat Melayu secara mendadak ini, telah menimbulkan beberapa masalah dan perselisihan pendapat dalam ilmu persilatan tanahair.

Percubaan untuk menyelesaikan dan mengatasinya telah dilakukan oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan Malaysia, tetapi sehingga ke hari ini masih gagal meny-

tukan semua pertubuhan seni silat yang terdapat sekarang, sama ada pada peringkat negeri ataupun pada peringkat kebangsaan dalam erti kata yang sebenarnya walaupun dalam tahun 1983, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan Malaysia sekali lagi cuba mewujudkan sebuah pertubuhan seni silat bagi setiap negeri dan sebuah pertubuhan bagi peringkat kebangsaan (PESAKA, atau silat).

Salah satu sebab utama gagalnya untuk menyatupadukan segala jenis seni silat yang terdapat di Malaysia sekarang ialah kerana setiap pertubuhan ataupun

kumpulan cuba menonjol dan membuktikan seni silatnya yang paling hebat serta paling asli sifat kemelayuannya untuk dijadikan asas ataupun landasan kepada Seni Silat Kebangsaan.

Soal keperibadian Melayu yang harus wujud dalam setiap pertubuhan seni silat Melayu sekarang, sangatlah mengeliru dan meragukan kerana muncul beberapa perubahan dan pembaharuan yang sengaja diadakan oleh golongan tertentu untuk mencapai beberapa tujuan tertentu pula.

Di antara beberapa tujuan itu ialah untuk memodenkan Seni Silat Melayu supaya dapat menarik minat anak-anak muda (Melayu) sekarang yang ternyata mudah terpengaruh dengan apa sahaja yang mirip dengan kesenian yang didatangkan dari luar negeri.

Tujuan yang kedua pula ialah untuk membuktikan wujudnya perkembangan dan kemajuan dalam Seni Silat Melayu sehingga ia menjadi setanding dengan karate dari Jepun dan taekwon-do dari Korea.

#### B. Minggu (M) Identiti

Untuk mencapai tujuan-tujuan inilah, Seni Silat Melayu 'dipermodenkan' dengan apa cara jua pun sehingga menjejaskan identiti dan keperibadian Melayunya.

## Beberapa 27 JAN 1985 sebab B. Minggu (M) kumpulan silat tidak dapat bersatu

Sepatutnya dalam usaha memaju dan memodenkan Seni Silat Melayu, beberapa ciri asas keperibadian Melayu hendaklah dipelihara dan dipupuk. Di antara ciri-ciri asas itu ialah:

1. Adanya lemah lembut dan keras pantas dalam pergerakan jasmani.
2. Ilmu persilatan untuk mempertahankan diri, bukannya untuk dipertunjukkan sebagai sejenis hiburan semata-mata.
3. Adanya unsur keagamaan dan juga unsur kesenian.
4. Adanya unsur keikhlasan dan kerelaan daripada pinak yang mengajar dan unsur kasih sayang dan penuh kesetiaan daripada yang belajar.
5. Adanya cita-cita menjadikan seseorang itu lengkap dan sempurna di segi jasmani dan rohaninya.

Dalam cita-cita kita untuk melengkap dan menyempurnakan Seni Silat Melayu, tidak perlulah kita terikut-ikut dengan seni mempertahankan diri dari Timur atau Barat kerana kebudayaan Melayu masih ada keistimewaan yang tersendiri.